



Rujukan: UKM.SWZ.100-1/3/1
Tarikh: 10 September 2021

PEKELILING PUSAT SISWAZAH BIL. 21/2021

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
(Pengajian Pascasiswazah)
Fakulti/Institut
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PELANJUTAN TEMPOH PENGHANTARAN DISERTASI / TESIS PELAJAR PASCASISWAZAH

➤ **SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2020/2021**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Universiti (MJPU). Bil. 14/2021 pada 7 & 8 September 2021 telah bersetuju melanjutkan tempoh penghantaran disertasi/tesis pelajar pascasiswazah yang tidak dapat meneruskan aktiviti penyelidikan kerana sekatan masuk ke makmal penyelidikan/halangan kerja lapangan serta telah menulis sekurang-kurangnya **70% deraf disertasi/tesis** seperti dibawah:

- (a) memanjangkan tempoh semester pelajar pascasiswazah untuk menyerahkan disertasi/tesis sehingga **24 Disember 2021 (Jumaat)** tanpa dikenakan yuran pengajian dan denda lewat mendaftar;
- (b) pelajar perlu mendaftar pengajian untuk semester 1 sesi 2021/2022;

3. Sehubungan dengan itu Urus Setia Siswazah Fakulti/Institut perlu mengenalpasti dan mengesahkan nama pelajar tersebut melalui mesyuarat yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah. Senarai nama yang telah diluluskan perlu dimuat naik dalam fail *google drive* selewat-lewatnya pada **20 September 2021 (Isnin) sebelum jam 5.00 petang**.



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah

4. Jabatan Bendahari, Pusat Siswazah & Pusat Pengurusan Akademik (PPA) akan bekerjasama dengan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) untuk menyelaraskan ke atas pelajar ini supaya boleh mendaftar pengajian tanpa dikenakan yuran.
5. Oleh kerana pelajar tidak dikenakan yuran pengajian, maka tiada bayaran Tabung Agihan Penyelidikan (TAP) ke dalam akaun Penyelia Utama. Inisiatif ini tidak melibatkan implikasi kewangan kerana pemulangan yuran tidak berlaku dan diandaikan pelajar dapat menyempurnakan keperluan yang diminta dalam tempoh yang ditetapkan.
6. Pelajar yang gagal mengambil tindakan sewajarnya, akan dikenakan yuran pengajian dan denda lewat mendaftar.
7. Keputusan ini terpakai untuk pelajar saluran arus perdana. Pelajar di bawah pengurusan Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) adalah tertakluk kepada kelulusan PKP. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Nama/Jawatan/Jabatan	Alamat Emel/Tel.
Norazlin Hassim Ketua Pentadbiran / Penolong Pendaftar Kanan	norazlin@ukm.edu.my kualitips@ukm.edu.my
Puan Rafidah Hassan Unit Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah	Tel: 03-8921 3100

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof.Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih

Sekian.

Yang benar,


PROF. DR. SARANI ZAKARIA

Pengarah
Pusat Siswazah, UKM

s.k.;

- Bendahari, UKM
- Timbalan Pengarah
Pusat Siswazah, UKM
- Ketua, Tadbir Urus Kualiti Pengajian Siswazah
Pusat Siswazah, UKM
- Timbalan Pendaftar
Pusat Pengurusan Akademik (PPA), UKM



PUSAT SISWAZAH

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3100 Faks: +603-8925 2699 E-mel: dpps@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatsiswazah